

Kos cuti bersalin RM1.57b setahun

Majikan tanggung RM7,500 setiap pekerja

KUALA LUMPUR: Majikan Malaysia membelanjakan kira-kira RM1.57 bilion setahun untuk cuti bersalin 60 hari kepada kakitangan wanita, demikian seminar mengenai persamaan gender di sini, diberitahu, semalam.

Naib Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), A Ramadass dalam kertas kerjanya mengenai perlindungan bersalin dan tolak ansur kerja dan tanggungjawab keluarga, berkata kajian MEF menunjukkan bahawa jumlah kos bagi setiap kakitangan adalah sekitar RM7,500 setiap kali bersalin, membabitkan RM3,000 gaji dan RM4,500 elaua lebih masa.

Beliau berkata, mengikut undang-undang yang wujud, majikan menanggung kos ini hingga lima anak yang hidup.

Seminar dua hari anjuran Kementerian Sumber Manu-

sia dengan kerjasama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dihadiri kira-kira 50 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, Kesatuan Sekerja dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Ramadass berkata, kos itu akan meningkat kepada RM2 bilion jika bilangan cuti bersalin ditambah sehingga 84 hari seperti di Singapura.

Beliau bagaimanapun menyatakan, di Singapura bagi dua kes bersalin pertama, majikan membayar untuk lapan minggu pertama dan

FAKTA NOMBOR

60
hari

Cuti bersalin kakitangan

tambahan empat minggu ditanggung oleh kerajaan.

Bagi kes bersalin ketiga dan keempat, kerajaan membayar penuh percutian bersalin 12 minggu.

Sementara itu, seorang pakar penyusuan, Nor Kamariah Mohamad Alwi, memberitahu seminar berkenaan bahawa susu ibu adalah sumber unik pemakanan, perlindungan imuniti yang tidak terkira dan cara semula jadi membina generasi masa depan.

Beliau berkata, penyusuan ibu juga memberi faedah kesihatan signifikan kepada ibu dan manfaat ekonomi besar dari segi kos makanan.

Nor Kamariah berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memperakarkan penyusuan ibu yang eksklusif untuk enam bulan pertama dan selepas itu diteruskan hingga dua tahun disertai makanan pelengkap. - Bernama